

20/02/1998

KL, Canberra tingkat hubungan positif

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri Australia, John Howard akan membuka lembaran baru hubungan Australia-Malaysia dengan menjanjikan komitmen Canberra untuk meningkatkan hubungan `positif' dengan Kuala Lumpur dalam lawatannya ke sini minggu depan.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Robert Cotton berkata, lawatan Howard bertujuan menyambung proses mempertingkatkan lagi hubungan yang "sihat dan pelbagai".

Sementara mengakui ada yang tidak kena dalam hubungan antara kedua-dua negara sebelum ini, Cotton berkata Australia dan Malaysia berjaya mengatasinya.

"Hubungan dua hala antara kerajaan dan kerajaan semakin positif dan maju...kita percaya kita berupaya mara dalam cara yang positif," katanya dalam satu temuramah mengenai lawatan Perdana Menteri Australia itu ke Malaysia, bermula Isnin ini.

Kunjungan itu adalah lawatan rasmi pertama Howard ke Malaysia sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Paul Keating pada Mac 1996.

Beliau dijangka mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kedua-dua pemimpin itu kali terakhir bertemu pada 29 Mac 1996 apabila Dr Mahathir singgah di Australia dalam perjalanan ke New Zealand untuk lawatan rasmi.

Hubungan Malaysia dengan Australia di bawah bekas kerajaan parti Buruh terjejas beberapa kali berikutan gambaran salah yang dipaparkan media Australia terhadap negara ini.